



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA**

20 MAC 2020 (JUMAAT)

**TUJUH (7) INISIATIF PROAKTIF KEMENTERIAN BELIA
DAN SUKAN DALAM MERINGANKAN BEBAS AKIBAT
PENULARAN WABAK COVID-19**

[*KBS PROACTIVE INITIATIVES – KPI*]

1. Lanjutan daripada langkah-langkah tegas dan proaktif yang telah diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan agensi-agensi di bawah seliaan KBS, saya telah mengarahkan pengurusan tertinggi untuk melihat aspek-aspek kebajikan dan bantuan yang boleh terus diberikan kepada golongan belia yang terkesan akibat penularan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa pada 18 hingga 31 Mac 2020.
2. Pelbagai maklum balas telah diterima dan dikenal pasti berhubung perkara ini. Sehubungan itu, sukacita saya umumkan pelaksanaan ***Tujuh (7) Inisiatif Proaktif KBS Meringankan Beban Berikutan Penularan COVID-19*** untuk para belia seperti berikut:

Pelajar-Pelajar Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS)

- (i) Pembayaran Elaun kepada 10 ribu orang pelajar di 22 buah ILKBS di seluruh negara akan **dipercepatkan dari 5 April 2020 kepada selewat-lewatnya pada 25 Mac 2020**.
- (ii) Menyediakan **insentif data internet secara *one-off* berjumlah RM50** kepada semua pelajar ILKBS.

- (iii) Pemberian insentif ini adalah bagi **menyokong pembelajaran secara digital "Google Classroom"** yang telah diusahakan oleh ILKBS untuk manfaat para pelajar sepanjang tempoh PKP ini.

Majlis Belia Malaysia

- (iv) Peruntukan sebanyak **RM100 ribu disalurkan kepada Majlis Belia Malaysia (MBM)** dalam membantu OKU / Gelandangan belia yang terkesan dan memerlukan di bawah program Relawan MBM.
- (v) NGO-NGO belia digalakkan untuk menyertai dan bekerjasama dengan MBM bagi memastikan gerak kerja yang lebih teratur serta tersusun.
- (vi) Walau bagaimanapun, pelaksanaan program ini tertakluk kepada peraturan / nasihat / standard prosedur operasi yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan sebagainya.

Yayasan Kebajikan Atlet Malaysia

- (vii) Peruntukan sebanyak RM100 ribu disediakan bagi **menyokong dan membantu bekas-bekas atlet yang memerlukan** sepanjang tempoh PKP ini.

Penyewaan Premis Kementerian Belia dan Sukan di seluruh negara

- (viii) Bagi menyokong inisiatif belia yang menggunakan premis KBS di bawah seliaan Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) seluruh negara yang terkesan akibat penularan COVID-19 ini, KBS akan memberi **pengecualian bayaran selama enam (6) bulan.**

Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Kementerian Belia dan Sukan

- (ix) Semua Pekerja Sambilan Harian (PSH) di KBS akan diberi **pembayaran penuh** sepanjang tempoh PKP ini.

Pelajar Praktikal / *Intern* di Kementerian Belia dan Sukan

- (x) Semua pelajar praktikal yang menjalani latihan industri di KBS dan agensi di bawah KBS akan menikmati **pembayaran penuh elaun praktikal** bagi bulan Mac 2020.

Penggunaan Kemudahan / Fasiliti di bawah Kementerian Belia dan Sukan

- (xi) KBS telah menyediakan kemudahan International Youth Centre (IYC) yang terletak di Cheras untuk menempatkan 41 orang peserta program MyCorps yang baru tiba dari Bangladesh hari ini dan Nepal pada esok hari bagi tujuan kuarantin.
 - (xii) Semua peserta ini akan diberi kemudahan dan keperluan makanan secara percuma sehingga dibenarkan pulang oleh pihak berkuasa.
 - (xiii) KBS juga menawarkan kemudahan / fasiliti di bawah seliaan KBS untuk digunakan oleh pihak KKM atau mana-mana agensi yang berkaitan bagi tujuan menangani penularan wabak COVID-19.
3. **Tujuh (7) Inisiatif Proaktif KBS** ini merupakan sebahagian tindakan segera yang boleh dilakukan dan berada di bawah kawalan KBS secara langsung. Walau bagaimanapun, KBS turut mengambil maklum bahawa terdapat pelbagai lagi inisiatif berkaitan belia yang berada di bawah tanggungjawab Kementerian / Agensi Kerajaan yang lain.
4. Sungguh pun begitu, KBS sentiasa **membuka ruang kepada semua pihak untuk mengemukakan sebarang cadangan membina yang boleh disalurkan secara konstruktif** agar

agenda pemeraksanaan belia dapat dilaksanakan secara bersepadu kepada:

**Pejabat Menteri Belia dan Sukan
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
feedback@kbs.gov.my**

5. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri yang telah mengumumkan tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 yang memanfaatkan golongan terkesan khususnya belia di seluruh negara. Ia sedikit sebanyak dapat memberi kelegaan kepada rakyat dan meringankan beban yang perlu ditanggung sepanjang tempoh PKP ini.
6. Semua Inisiatif Proaktif KBS ini adalah bertujuan membantu pihak Kerajaan dalam mengawal penularan COVID-19 sepanjang tempoh PKP ini. **Belia boleh berperanan sebagai agen penting** dalam menyokong usaha Kerajaan ini agar penularan COVID-19 dapat dikawal sepenuhnya.
7. Saya komited untuk membantu dan meringankan beban para belia dalam menjayakan khususnya dalam tempoh yang sukar buat kita semua.
8. Saya juga merakamkan ucapan penghargaan kepada semua belia yang menjadi barisan hadapan yang terdiri daripada doktor, jururawat, pasukan keselamatan, pasukan pentadbiran dan sokongan serta semua sektor yang bertungkus lumus dalam memastikan ancaman COVID-19 ini dapat dihapuskan.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN

Menteri Belia dan Sukan

-ENDS-